



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**KELUARGA MALAYSIA: TEGUH BERSAMA**

**Tarikh Dibaca :**

**28 MUHARRAM 1444H/  
26 OGOS 2022M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**KELUARGA MALAYSIA: TEGUH BERSAMA****28 MUHARRAM 1444H / 26 OGOS 2022**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ١٣  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperolehi keberkatan dan keredhaan serta perlindungan daripada Allah SWT di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan **Sambutan Hari Kebangsaan Yang Ke-65 pada 31 Ogos** nanti, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Keluarga Malaysia: Teguh Bersama**”.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* serta memelihara hubungan silaturrahim. Panjatkan doa buat saudara-saudara kita yang ditindas terutamanya di Palestin dan teruslah bertaubat serta bermunajat kepada Allah SWT agar kita dapat menempuh fitnah dunia yang semakin mencabar dan menyelamatkan kita dari fitnah dajjal.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Malaysia merupakan sebuah negara yang sangat unik. Kekuatan dan keharmonian dibina atas kepelbagaian agama dan bangsa. Sejak negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, dan kini kemerdekaan itu telah pun berusia 65 tahun, kita telah meniti jalur masa yang penuh dengan rencam dan ragam, sama ada suka dan duka. Perjalanan ini pastinya memantapkan semangat perpaduan dan kebersamaan dalam seluruh anggota masyarakat yang berbilang kaum dan akhirnya mewujudkan suasana kekeluargaan antara sesama masyarakat. Dan Alhamdulillah, hasil kebersamaan dalam membina Negara Malaysia ini, kita semua tetap teguh bersama sungguhpun adakalanya badai datang menjengah.

Inilah tujuan penciptaan manusia yang pelbagai supaya kita dapat saling mengenali dan melengkapi antara satu sama lain. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 13 yang dibacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”.*

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dalam membina sebuah negara yang aman, makmur dan berjaya, pastinya ia memerlukan usaha sama yang bersepadu daripada seluruh anggota masyarakat. Peranan penting daripada Ketua Negara sehinggalah kepada anak kecil menjadi pemacu kepada keberhasilan setiap dasar dan perancangan yang diatur oleh kerajaan. Diibaratkan sebuah keluarga, tiap-tiap ahli keluarga berperanan atas tanggungjawab masing-masing memastikan kecukupan, kebahagiaan, dan keselamatan keluarga terjamin dan terpelihara. Begitulah juga Konsep **‘Keluarga Malaysia’** yang berdiri atas tiga teras utama iaitu keterangkuman (*inclusivity*), kebersamaan (*common ground*), dan kesyukuran (*contentment*).

Bagi memenuhi ketiga-tiga teras ini, ia memerlukan kepada;

**Pertama:** Penyemaian budaya integriti dalam keluarga.

**Kedua:** Menjadikan budaya amanah sebagai budaya keluarga

**Ketiga:** Menjadikan prinsip keadilan sebagai teras pengukuhan keluarga

**Keempat:** Menjadikan amalan bermusyawarah sebagai amalan keluarga.

Bersandarkan konsep 'Keluarga Malaysia' ini, negara akan dipacu untuk keluar daripada kemelut krisis kesihatan, ekonomi, pendidikan, dan lain-lain lagi seterusnya menjamin kesejahteraan setiap penduduk di negara bertuah ini. Keteguhan dan kebersamaan seluruh rakyat tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, fahaman politik menjadi kunci kepada keberhasilan dan kejayaan perancangan dalam usaha memulihkan dan membina semula kekuatan negara. Manakala bagi kita umat Islam pula, pastinya, ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT menjadi senjata paling utama dalam kita menjemput rahmat dan keberkatan dari Allah SWT.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Nikmat kemerdekaan ini patut diisi dengan kesyukuran dan kepatuhan kepada perintah Allah SWT. Ketaatan kepada Allah SWT dan pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* dalam negara inilah yang menjadi kunci kepada berkatnya dan hadirnya pertolongan Allah SWT sebagaimana janji-Nya yang dirakamkan dalam Surah al-Hajj ayat 41:

الَّذِينَ إِذَا مَكَتَهُمْ فِي الْأَرْضِ أَخَامُوا الصَّلَاةَ وَعَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ٤١

**Maksudnya:** "Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan".

Khatib juga ingin memetik amanat yang ditinggalkan oleh salah seorang ulama Melayu yang terlibat dalam penetapan tarikh kemerdekaan negara melalui kemahirannya dalam ilmu falak iaitu Syekh Haji Abdullah Fahim<sup>1</sup>. Beliau berpesan:

*“Bila kita merdeka, jangan ada pemimpin ambil kesempatan buat kekayaan di atas belakang rakyat. Orang Melayu wajib berjuang kerana bangsa tapi kebangsaan tidak boleh tolak Islam. Orang Islam perlu memperbaiki perselisihan sesama mereka dan setelah berdamai diharapkan berkekalan. Inilah satu-satunya senjata yang boleh menguatkan kedudukan orang Islam dan orang Melayu. Kalau Orang Melayu beragama Islam mengkhianati bangsa, negara dan agama, Allah akan gantikan bangsa lain yang beragama Islam menjaga tanah air kita. Sesiapa yang berjuang dengan nama Allah dan niat yang baik, sentiasa dalam keredhaan Allah. Sesiapa yang lupakan niat, khianat dan tamak, akan dimurkai Allah, akhirnya menjadi hina”.*

Maka, tidak dapat tidak, nikmat kemerdekaan yang dikecapi ini wajib dipertahankan oleh segenap lapisan masyarakat. Semangat cintakan negara perlu disemai dan dibaja ke dalam diri anak-anak agar kesinambungan keharmonian dan kemakmuran negara ini dapat diperturunkan kepada anak cucu kita nanti. Ini tanah tumpah darah kita. Tempat kita sama-sama membesar, belajar, bermain, mencari nafkah dan sebagainya. Jika bukan kita yang menjaganya, kepada siapa lagi yang hendak kita harapkan? Rasulullah SAW juga begitu cintakan tanah airnya, iaitu Kota Mekah sebagaimana dapat dilihat dari ungkapan kerinduan Baginda terhadap tanah tumpah darahnya itu:

وَاللَّهِ إِنَّكَ نَحِيرُ أَرْضِ اللَّهِ وَأَحَبُّ أَرْضِ اللَّهِ إِلَى اللَّهِ وَلَوْلَا أَنِّي أُخْرِجْتُ مِنْكَ مَا  
خَرَجْتُ

**Maksudnya:** “Demi Allah! Sesungguhnya kamu (Kota Makkah) adalah sebaik-baik tanah Allah, dan tanah yang paling dicintai oleh Allah, seandainya aku tidak diusir darimu, nescaya aku tidak akan keluar (darimu)”. (Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)

---

<sup>1</sup> Tuan Guru Haji Abdullah II bin Haji Ibrahim Ahmad bin Haji Abdullah I (1870 – 28 April 1961)

Kecintaan Baginda dan para sahabat terhadap negara juga dapat diteladani daripada kesungguhan mereka mempertahankannya dalam setiap peperangan dan usaha pengembangan dakwah Islamiyah.

Justeru, inilah contoh teladan yang telah ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW dalam mencintai tanah air. Kita di Malaysia pula perlu terus kukuh, saling membantu dan saling menghormati supaya kerukunan hidup dapat dipelihara dan mewujudkan sebuah negara yang stabil dan teguh. Landskap keharmonian yang dinikmati ketika ini jangan dirobek dengan sebarang provokasi. Bersama kita mempertahankan kedaulatan negara dari sebarang usaha yang memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian ini.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin merumuskan khutbah kepada beberapa intipati:

**Pertama:** Sepanjang 65 tahun kemerdekaan negara ini, kita telah melalui pelbagai ragam dan ragam yang pastinya memantapkan semangat perpaduan dan kebersamaan dalam seluruh anggota masyarakat. Maka kematangan ini perlu diteruskan sampai bila-bila.

**Kedua:** Konsep 'Keluarga Malaysia' yang berdiri atas tiga teras utama iaitu keterangkuman, kebersamaan, dan kesyukuran, merupakan suatu pendekatan yang sangat hampir kepada kita dalam usaha menstabilkan dan membina kekuatan negara. Ketaatan kepada Allah SWT dan pelaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* menjadi kunci kepada keberkatan dan pertolongan Allah SWT.

**Ketiga:** Semangat cintakan negara juga telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Maka, sebagai umat Islam, inilah salah satu sunnah yang mesti dituruti dalam usaha pengembangan dakwah Islamiyah dan padanya juga berhubung kait dengan pemeliharaan *Maqasid al-Syariah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta.

Renungkan firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا

فَأَخَذْنَا لَهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ٩٦

**Maksudnya:** “Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan”. (Surah al-A’raaf ayat 96)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزُهُ أَمِينُهُ مِيمُونُهُ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.  
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠  
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.